

Dilema mengejar ranking universiti terbaik dunia

Buat sekian kalinya hati penulis tersentuh dan gelisah dengan apa yang berlaku di persada akademik negara pada masa kini, terutama apabila status ranking universiti di dunia diumumkan.

Tulisan ini rentetan daripada beberapa artikel yang membicarakan kecelaruan yang berlaku di dalam dunia akademia sejak akhir-akhir ini dan lebih terjurus lagi sejak ranking berkenaan diperkenalkan.

Universiti di Malaysia diletakkan dalam senarai 'sekejap berada di atas dan sekejap di bawah'. Apabila berada di ranking atas, gegak gempitalah seluruh alam dan berbangga dengan kedudukan ini, tetapi apabila ranking itu jatuh merudum, maka bermuram durja seisi warga akademia universiti itu.

Begitulah yang berlaku setiap kali kedudukan ranking itu diumumkan di media cetak dan elektronik. Tetapi, apakah realiti sebenar yang berlaku di sebalik pengumuman ranking berkenaan?

Adakah seandainya sebuah universiti di Malaysia berada di ranking terbaik, maka berbondong-bondonglah pelajar asing (terutama dari Eropah dan Barat) datang ke negara ini untuk menimba ilmu pengetahuan atau sekadar hanya mampu menarik pelajar picisan yang tidak dapat memasuki universiti lain yang lebih baik tarafnya?

Penulis pernah membicarakan hal ini satu ketika dulu dengan menyimpulkan bahawa janganlah usaha mengejar ranking ini menjadi suatu rali yang cukup panjang dan terlalu terikut-ikut dengan rentak yang tidak mendatangkan keuntungan kepada sesiapa pun dan akhirnya 'yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran' atau sekadar 'menang sorak kampung tergadai'.

Akibat daripada mengejar kedudukan ini, aktiviti yang dilakukan di universiti tidak lagi bersandarkan kepada tuntutan untuk menyebarkan ilmu, tetapi lebih dipandu oleh kapitalis akademik yang akhirnya berkiblatkan wang. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, ilmu yang sedikit akan menjadi semakin menipis dan tidak sampai kepada orang yang sepatutnya memiliki ilmu itu dan akhirnya terkubur bersama-sama jasad makhluk terpilih berkenaan.

Yang lebih menyerlah dan sering diberikan perhatian kini oleh beberapa universiti adalah terhadap jumlah penerbitan yang dihasilkan. Tujuan utama adalah untuk menempatkan ranking universiti terseor di dunia.

Namun sejak akhir-akhir ini dan entah di mana silapnya, tumpuan yang diberikan dilihat 'agak keterlaluan' khususnya kepada penerbitan jurnal peringkat 'antarabangsa'. Penumpuan yang 'keterlaluan' tadi telah menimbulkan beberapa implikasi penting dalam dunia akademik di negara ini.

Sejak kebelakangan ini, ilmu yang disalurkan seolah-olah melalui satu proses pengkomoditan dan pembentukan modal bersandarkan kepada ilmu dijana. Pengkomoditan ilmu ini disalurkan melalui pelbagai bentuk tulisan yang disebarkan, tetapi diletakkan nilainya dalam bentuk wang. Lantaran nilai ilmu yang ada telah menjadi bahan komoditi dagangan dan menguntungkan sesetengah pihak.

Justeru, ilmu yang sepatutnya dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya menjadi luntur akibat daripada proses pengkomoditan tadi.

**“
Ilmu yang sepatutnya dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya menjadi luntur akibat proses pengkomoditan”**

Sebenarnya, proses penghasilan penerbitan ini menduga keyakinan dan jati diri kita dalam menghasilkan bahan penerbitan tempatan yang berakar umbi budaya setempat, tetapi mampu melonjakkan kekuatan dan kelainan sebanding bahan diterbitkan pada peringkat antarabangsa yang dikeluarkan universiti

yang usia kewujudannya berpuluh kali ganda lebih awal daripada kewujudan universiti di Malaysia.

Berdasarkan jutaan ringgit yang dilaburkan untuk menjalankan penyelidikan dan telah menghasilkan kualiti penyelidikan yang begitu baik, tetapi mengapa pula perlu diterbitkan pula oleh jurnal asing?

Kriteria kenaikan pangkat yang mengarah kepada ranking hendaklah dihentikan serta-merta dan dikembalikan kepada pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa wacana ilmu.

Buku-buku dan jurnal berbahasa Melayu yang sedia ada dan tinggi taraf dan lengkok bahasanya hendaklah diberikan penekanan utama dan menjadi kriteria utama di dalam kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi di universiti.

Janganlah juga dijadikan pertelingkahan pemikiran yang mendasari tingkah dan polisi yang termaktub di dalam perlembagaan negara semata-mata untuk meletakkan negara di persada akademik global.

Kita sewajarnya mampu untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai wahana bahasa terindah dalam lingkaran jati diri yang kian luntur akibat daripada kelonglaian pegangan kita terhadap dasar yang telah dibina sejak sekian lama.



**SAHARUDIN
IDRUS**